

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

# 22 JAN

## NAIB CANSELOR SERU PENTADBIR LEBIH PRODUKTIF



PULAU PINANG, 21 Januari 2015 - Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Profesor Dato' Dr. Omar Osman menyeru agar para pentadbir bekerja keras dan lebih produktif dalam menjalankan tanggungjawab yang ada.

"Hanya dengan keupayaan meningkatkan kecekapan dan lebih produktif kita akan dapat membantu universiti dalam menghadapi apa jua cabaran yang ada pada masa ini dan masa hadapan," kata Omar dalam perutusannya kepada kira-kira 2,000 orang warga USM hari ini.

Menurut Naib Canselor, sasaran pengurusan kejut dan sumber manusia kejut telah mula dilaksanakan dalam 2014 termasuklah menguruskan naziran perjawatan, mentransformasi kerja dengan mengurangkan proses serta menggunakan teknologi yang lebih maju untuk semua kategori staf dan kaedah pengurusan dan operasi telah dilaksanakan dan kini jumlah kakitangan yang berkelayakan lebih tinggi semakin meningkat manakala pensyarah yang mempunyai dan menjadi penyelidik utama kini melebihi 71%.



Pada tahun 2014, seramai 1,239 staf akademik mempunyai Ph.D berbanding dengan 1,185 pada tahun sebelumnya. Manakala dalam kalangan kakitangan pengurusan dan profesional bilangan mereka yang mempunyai kelayakan sehingga peringkat Ph.D juga telah bertambah manakala dalam kalangan staf pelaksana mempunyai seramai 179 orang ijazah pertama dan 15 orang ijazah sarjana melalui pelbagai kaedah pengajian seperti jarak jauh. Sepanjang 2014 juga, USM telah memberi latihan kepada lebih 9,669 orang kakitangannya.

Tambah Naib Canselor, kejayaan tadbir urus di USM amatlah membanggakan termasuklah pengukuhan governan dan pengurusan Hospital USM, penubuhan Yayasan USM, *Dashboard Scorecard* USM, penubuhan Majlis Sumber Manusia Universiti, penubuhan Majlis Penyelidikan Universiti, penubuhan Majlis Kelestarian Universiti, penubuhan Majlis Keselamatan Universiti, pelaksanaan *Integriti Pact* Dalam Semua Hal Berkaitan Kewangan Universiti, penubuhan Unit Integriti Universiti Serta Pelaksanaan Jawatankuasa Tadbir Urus & Integriti Universiti (Jitu) menggantikan JKTU, pemuktamadan Penggubalan 15 Statut Baru (Yang Berkaitan Governan) Universiti, penggubalan *Gift & Endowment Policy* serta Wakaf USM, penggubalan Kaedah Tatatertib Pelajar yang baru serta pengumpulan semua Dasar, Polisi Dan Garis Panduan Universiti yang pernah diluluskan oleh pihak berkuasa Universiti.

Sementara itu USM turut menekankan kepada usaha Kelestarian Kewangan dengan pengenalan *Outcome Based Budgeting (OBB)*/Belanjawan Berorientasikan Outcome merupakan pengurusan prestasi sektor awam yang bertujuan menentukan program/aktiviti mencapai objektif dipersetujui, program/aktiviti menghasilkan outcome yang diharapkan, outcome program/aktiviti memenuhi keperluan pelanggan dan pemegang taruh serta opsyen dan alternatif dasar terbaik digunakan.

Teks: Mohamad Abdullah/Foto: Mohd Fairus Md. Isa



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015